

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD.  
TAHIR [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang komitmen Kerajaan terhadap jaminan keadilan dalam pekerjaan serta kebajikan rakyat yang terlibat dengan '*gig-economy*'.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan komited menjamin keselamatan sosial dan kebajikan golongan Orang Bekerja Sendiri (OBS) termasuklah pekerja ekonomi gig. Kerajaan telah menyediakan perlindungan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] yang dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2017 meliputi 20 sektor atau perusahaan di Malaysia.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, permintaan terhadap perkhidmatan berlandaskan ekonomi gig didapati semakin meningkat dan kini menjadi trend kerana mendapat permintaan yang baik. Secara tidak langsung, risiko kemalangan juga dijangka akan turut meningkat. Sehubungan itu, bagi menjamin golongan yang terlibat dalam ekonomi gig dilindungi dengan jaringan perlindungan sosial yang baik, suatu peraturan-peraturan di bawah Akta 789 berkaitan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan telah mula dikuatkuasakan mulai 1 Oktober 2021.

Kementerian Sumber Manusia juga sedang giat menjalankan sesi libat urus bersama penyedia-penyedia platform gig bagi membincangkan faedah dan perlindungan yang boleh dilindungi melalui undang-undang perburuhan tanpa menjejaskan ciri-ciri yang menjadi daya tarik ekonomi gig termasuk fleksibiliti dalam pekerjaan ini.